

Mutukerja ditinggikan: Dr M.

Tadbiran tanah dikemas

KUALA LUMPUR, Isnin

KERAJAAN sedang berusaha meninggikan mutukerja jabatan-jabatannya di semua peringkat untuk menyempurnakan pentadbiran dan pengurusan tanah, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menambah, di samping itu usaha juga sedang dibuat untuk mengisikan jawatan-jawatan kosong yang terdapat di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Bercakap kepada pemberita selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara di Bangunan Parlimen, beliau berkata, kajian telah menunjukkan 80,000 kekosongan jawatan di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Jawatan kosong

Katanya, sekarang ini negeri-negeri akan diminta memberi butir-butir jawatan kosong dan masalah yang mereka hadapi dalam mengisikan jawatan-jawatan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, banyak sungutan dibuat bahawa kekurangan kakitangan menyebabkan pentadbiran tanah tidak sempurna.

Dalam usaha untuk meninggikan mutukerja, latihan akan diberi kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan dan sistem pengurusan tanah akan diselenggarakan dan disusun rapi dengan mengadakan "raja aliran kerja" dan lain-lain susunan secara moden seperti menggunakan komputer, katanya.

Tambah beliau ada kemungkinan diadakan satu data bank untuk butir-butir pemilihan tanah.

Unit pemodenan pentadbiran dan perancangan tenaga manusia di Jabatan Perdana Menteri telah di beri tugas mengkaji dan memodenkan sistem pentadbiran dan pengurusan dengan menggunakan alat-alat pengurusan moden seperti komputer.

Milik rumah pangsa

Dalam usaha ini Menteri Besar dan Ketua Menteri dikehendaki memainkan peranan yang lebih berkesan dengan membuat lawatan ke jabatan-jabatan dan menentukan supaya pentadbiran berjalan lebih tertib.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu bahawa mesyuarat itu juga berbincang dengan panjang lebar mengenai pengeluaran hak milik strata untuk rumah-rumah pangsa.

Katanya, "masalah tidak timbul dengan rumah-pangsa yang sudah siap tetapi dengan rancangan rumah-pangsa baru yang mungkin hak miliknya telah dijual kepada pembeli sebelum dibina.

"Masalahnya, seperti di Kuala Lumpur ini dimana ada satu rancangan rumah-pangsa mewah, kutipan telah dibuat dan rancangan itu gagal dan pembeli-pembelinya tidak boleh dapat balik wang pertaruhan mereka."

Beliau berkata, masalah seperti itu perlu dielak dan Kerajaan akan mengkaji undang-undang negara lain untuk menyusun undang-undang supaya mengelakkan perkara itu.

Mengenal masalah sehingga, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, majlis kluatir terhadap pengeluaran lesen tumpang sementara (Tol) oleh badan-badan tertentu di kawasan Majlis Bandararan.

Ada terdapat bangunan-bangunan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan Majlis Bandararan dibina di kawasan bandar.

"Ini adalah satu masalah dan kita akan mengkaji bagaimana mengelakkannya," kata Datuk Seri Dr. Mahathir. — Bernama.



DR. MAHATHIR

Sin : 1269
Pen : 940/80